

Hidangan daging binatang liar

Restoran perlu lesen

M8.11
6/2kgg.

JOHOR BAHRU, Ahad — Orang ramai dan pemilik restoran di negeri ini yang memelihara binatang liar atau memasaknya sebagai hidangan kepada pelanggan hendaklah mendapatkan lesen daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Negeri (Perhilitan) atau menghadapi tindakan undang-undang.

Pengaruhnya, Encik Azmi Johor, berkata siasatan mendapati ramai orang memelihara binatang liar yang diberi taraf perlindungan, jabatan manakala restoran pula menjual daging binatang itu.

"Perkara itu berlaku kerana ramai yang tidak pasti sama ada binatang liar itu boleh dipelihara di rumah atau dijadikan hidangan di kedai mereka kerana kelazatan dan khasiatnya," katanya kepada Berita Harian.

Menurutnya, siasatan juga mendapati ada antara mereka

Oleh ADAM MOHAMAD

sengaja memeliharanya walaupun sedar ia adalah salah di sisi undang-undang.

"Laporan mendapati, antara binatang liar yang berjaya dirampas kerana dijadikan binatang peliharaan ialah musang jebat dan babi hutan serta beberapa jenis burung seperti kelicap kunyit, tiong emas, tupai kubang (terbang), tupai gading dan murai batu.

"Binatang liar yang sering dijadikan hidangan restoran pula ialah tenggiling, tupai kubang dan ular sawa," katanya.

Encik Azmi berkata, setakat ini jabatan mengeluarkan antara 50 dan 60 lesen untuk memelihara binatang liar di rumah manakala kurang daripada 10 lesen dikeluarkan kepada restoran di negeri ini bagi menjalankan perniagaan.

"Lesen yang dikeluarkan kepada restoran itu hanya terhad

kepada babi hutan sahaja dan jabatan tidak ada mengeluarkan lesen bagi jenis binatang liar lain," katanya.

Menurutnya, orang ramai atau tuan punya restoran yang didapati melanggar peraturan itu akan didakwa mengikut Akta Hidupan Liar 76/72, yang jika didapati bersalah boleh dikenakan denda \$3,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya.

"Sementara semua barang-barang berkaitan akan dirampas dan lesen niaga ditarik balik," katanya.

Encik Azmi berkata, tindakan tegas juga akan dikenakan terhadap tuan punya restoran yang memperolehi bekalan binatang liar dari luar negara tanpa kebenaran jabatan.

"Ini kerana setiap binatang liar yang dibawa masuk ke Johor, terutamanya dari Singapura, mesti melalui jabatan ini untuk diluluskan dan diberi lesen," katanya.